

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kaedah dan keberhasilan polisi melibatkan inisiatif khas pengasingan kemudahan khas mengikut jantina pada pengangkutan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KTMB telah memperkenalkan koc wanita untuk perkhidmatan KTM Komuter di Lembah Klang sejak tahun 2010. Kaedah yang dilaksanakan adalah dengan pengasingan dua koc tengah setiap tren Komuter dan disediakan ruang menunggu yang dilabel khas untuk wanita di stesen-stesen keretapi terpilih seperti stesen KL Sentral, Subang Jaya, Kajang 2, Salak Selatan, Putra, Batu Caves, Serdang, Shah Alam, Midvalley, Kepong Sentral dan Bank Negara.
2. Pelaksanaan pengasingan kemudahan khas seperti koc wanita ini dilihat memberi impak yang positif kepada para penumpang wanita dari sudut keselamatan dan keselesaan semasa menaiki pengangkutan keretapi terutamanya pada waktu puncak pagi dan petang. Bagi memastikan inisiatif ini dilaksanakan dengan berkesan, Polis Bantuan KTMB juga menjalankan pemantauan dan rondaan dari semasa ke semasa di stesen-stesen utama dan di dalam tren.
3. Selain itu, pengumuman automatik sentiasa dibuat di dalam tren bagi memaklumkan dan mengingatkan penumpang bahawa dua tren KTM Komuter iaitu koc C dan D adalah koc khas untuk wanita.

Sekian, terima kasih.